

48 tahun UKM: Matlamat juarai semua bidang

Usia 48 tahun, dianggap masih belum mencecah usia matang dan perlu diberi bimbingan bagi mencapai sesuatu yang diharapkan. Namun, bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), usia ini adalah sesuatu yang dibanggakan kerana ia lahir sejak dari hari penubuhannya pada 18 Mei 1970.

Kini, dalam usia 48 tahun penubuhannya, banyak liku-liku kepayahan telah mula diterangi dengan

kejayaan yang boleh dibanggakan oleh warganya dari segi penyelidikan, kejayaan mahasiswa dan pengiktirafan diterima daripada pelbagai pihak. Tanggal 18 Mei, 48 tahun usia

penubuhannya... Bermula graduan sulung seramai

167 orang pada 1973 telah mencecah 182,375 graduan yang menjadi alumninya dikeluarkan pada tahun 2017. Bermula tiga fakulti terawal ditubuhkan, mencecah 13 fakulti dan 13 institut pada 2018 ini.

UKM satu-satunya universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, namun penggunaan bahasa Inggeris tidak dilupakan malah diutamakan bagi kemahiran dan penguasaan mahasiswa mahasiswinya.

Enam bidang keberhasilan utama diberi tumpuan oleh UKM iaitu Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Kompeten dan Berdaya Saing dan Inovatif, Penyelidikan dan Inovatif Berimpak Tinggi;



Perkongsian Pintar dan Keterlibatan Strategik; Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang; Penjana dan Kekayaan Secara Optimum dan Strategik; serta Prasarana dan Persekitaran Ilmu Yang Kondusif.

Kesemua enam bidang keberhasilan utama itu telah dirangka oleh pihak pengurusan universiti, menjadikan 18 Tekad Utama diperkenalkan bagi kemajuan dan pembangunan bersama.

Ini ditegaskan oleh Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali ketika berucap pada Majlis Bicara Perdana Naib Canselor di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh (DTMAS) baru-baru ini.

Beliau berkata, sebagai sebuah universiti hebat, UKM tiada pilihan lain selain menjuarai dengan kehebatan keserjantaannya, hebat dengan siswasiswinya dan inilah graduan yang dicari dan dinantikan oleh majikan.

Justeru itu, katanya, kita menjuarai dalam menghasilkan graduan yang berbakat untuk pasaran pekerjaan.

Beliau mengingatkan warga kampus, sejauh mana terkedepan dan menjuarai jangan lupa amanah yang dipegang iaitu Pendaulat Amanah Negara.

"Adalah mustahil kita akan berjaya jika warganya tidak bersama. Justeru itu,

Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu bersedia mencabar kelaziman kerana inilah yang perlu ditekan dan diterapkan jika hendak mencapai kejayaan yang diharapkan," jelasnya.

UKM yang diterajui oleh Naib Canselornya dan empat Timbalan Naib Naib Canselor perlu sentiasa bersiap sedia dalam menerajui UKM untuk terus maju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UKM berbangga kerana sebagai sebuah universiti kebangsaan, universiti ini mendidik rakyat Malaysia sehingga ramai yang memimpin pelbagai sektor di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antaranya, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Kesihatan, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Akauntan Negara, Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Duta-duta dan sebagainya.

Prof Azlan ketika berucap merasmikan Hari Kerjaya dan Usahawan UKM baru-baru ini, menjelaskan sebagai institusi pendidikan UKM tidak terkecuali mengalami evolusi dan transformasi dalam mencari kaedah bersesuaian untuk meningkatkan potensi mahasiswa dalam kemahiran insaniah selain pencapaian akademik yang cemerlang.

Katanya, UKM meningkatkan kemahiran insaniah tersebut seiring dengan pembangunan pelajar menerusi kokurikulum dengan kaedah dalam mengasah kemahiran generik dalam

kalangan pelajar.

"Aktiviti kokurikulum ini adalah pelengkap kitaran pendidikan yang melibatkan domain intelektual untuk wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani. Disiplin keperibadian diri, berkomunikasi, penampilan diri, keusahawanan, kreativiti dan inovasi juga secara tidak langsung dapat membentuk dan menyediakan mereka menjadi graduan yang berupaya memenuhi tuntutan pasaran kerja masa kini," jelasnya.

Menurutnya lagi, mahasiswa tidak semestinya mengharapkan universiti semata-mata membantu mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan, tetapi perlu difahami keperluan dan kehendak sebenar dalam bidang berkaitan, memahami kerjaya yang dituju serta merancang dalam meningkatkan kemahiran serta pencapaian kerjaya.

"Program seumpama ini dengan penglibatan 58 industri dan agensi adalah peluang baik yang tidak seharusnya dilepaskan, malah perlu diterokai sewajarnya untuk masa hadapan pelajar," ujar beliau.

48 tahun UKM... banyak kejayaan diperoleh namun bersedia menghadapi cabaran akan datang kerana andalah warga UKM yang akan mencorakkan kecemerlangan satu-satunya Universiti Kebangsaan di dalam negara ini.

RADZUAN GHAZALI

Pengurus
Pusat Komunikasi Korporat UKM

Info
Angka

- 48 tahun UKM
- 13 fakulti
- 13 institut